



Terjejas Akibat Pandemik Covid-19



Pengambilan Moratorium



- Dapat membuat simpanan untuk jangka panjang
- Dapat berbelanja keperluan asas
- Dapat melangsaikan hutang-hutang lain
- Digunakan untuk tujuan perubatan/ kesihatan
- Dapat berbelanja untuk memenuhi keperluan lain



Yinfo@grafik

Kajian KETIDAKUPAYAAN BELIA BERSAING Dalam SEKTOR EKONOMI

KESIMPULAN

Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan kewangan, peranan harus bermula daripada belia itu sendiri untuk meningkatkan ketahanan kewangan iaitu dengan bersedia untuk menghadapi situasi kecemasan di samping perlu bijak mengurus kewangan terutama pengurusan hutang serta jangan mudah merasa selesa dengan kedudukan kewangan semasa.

Selain itu, peranan pihak luar juga dilihat dapat membantu belia dengan memperbanyakkan promosi mengenai faedah simpanan, pelan persaraan untuk jangka panjang dan mempergiatkan lagi usaha pelaburan dengan menyediakan saluran dan maklumat yang betul kepada belia.

Golongan belia dapat meningkatkan keupayaan bersaing dalam sektor ekonomi dengan tidak memilih pekerjaan untuk meningkatkan peluang kebolehpasaran.

Dengan sumber maklumat sedia ada yang dibekalkan, belia digalakkan untuk menambah ilmu pengetahuan mengenai pelaburan kerana bidang keusahawanan adalah salah satu cabang pendapatan yang membawa keuntungan jika dilakukan dengan betul.

Aspek dalaman juga harus lebih kuat bagi belia masa kini khususnya dari segi pemikiran, penguasaan komunikasi, kemahiran dan nilai murni yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada belia untuk bersaing dalam pasaran.



Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji secara terperinci berhubung isu ketidakupayaan belia bersaing dalam sektor ekonomi

Ekonomi belia Malaysia dilihat berada pada tahap **sederhana** berdasarkan pencapaian skor bagi **Domain Kesejahteraan Ekonomi** dalam **IBM 2020** yang merekodkan nilai skor **61.81 (Sederhana)** sahaja.


Objektif Kajian

- Mengetahui faktor yang menyumbang kepada ketidakupayaan belia bersaing dalam sektor ekonomi
- Mengkaji ciri-ciri atau indikator yang dapat meningkatkan keupayaan belia bersaing dalam sektor ekonomi
- Menyediakan input untuk pembangunan strategi bagi meningkatkan ekonomi belia


Metodologi Kajian

- **2 Kaedah:**
 - Kuantitatif (Borang Soal Selidik)
 - Kualitatif (*Focus Group Discussion*)
- **Jangka masa kajian:**
Mac 2020 - Mac 2021
- **Sampel kajian:**
 - Kuantitatif (422 orang responden setiap negeri)
 - Kualitatif (10 responden setiap negeri mewakili 8 kumpulan sasaran belia)


Anggaran Perbelanjaan Bulanan




Kecukupan Pendapatan



Kadar Simpanan Bulanan



Status Kewangan



Perbelanjaan Bulanan

